Diploma Teknologi Makanan [Course Review]

Mari kita review salah satu bidang yang semakin naik di Malaysia. Bidang ni memang jarang jarang orang ambil. Ada yang tak pernah langsung pun ada. Tambah lagi yang macam saya lebih kepada kejuruteraan ni.

Untuk sebarang kesilapan penulisan, minta tegor saya k. Ini bukan kos saya, saya buat artikel ni rasanya ambil masa 3 jam juga untuk kumpul maklumat. Belum masuk lagi nak inteview beberapa orang yang memang berada dalam bidang ni, untuk pastikan apa saya tulis betul. Dan kita juga boleh dapat manfaat lebih kalau ada orang yang memang pakar dalam Teknologi Makan Makan ni.

Definisi Diploma Teknologi Makanan…

Diploma Teknologi Makanan adalah pengajian 3 tahun yang memberi focus pada pembangunan kaedah serta mengenal proses terbaik bagi menghasilkan produk makanan yang bermutu, sihat dan selamat.

Definisi tu saya petik dari KKTM, Kolej Kemahiran Mara Lenggong

Kiranya, course ni bukan nya macam kulinari yang lebih kepada memasak. Tapi lebih kepada cara/proses makanan itu disediakan. Adakah selamat atau tidak.

Tak apa, kita ambil lagi satu contoh definasi dari Blogger Afrina Izyan, yang juga sambung pengajian dalam bidang ini.

> *Kami mengkaji tentang nutrisi dalam makanan, belajar cara memproses makanan, jenis penyakit dan mikroganisma dalam makanan dan lain-lain.*

Bidang Kerjaya Yang Boleh Diceburi


Untuk bidang kerjaya yang adik adik semua boleh koje ialah macam di bawah ni:

1. Penolong Jurutera Pemprosesan
2. Pemformulasi Makanan
3. Pembantu Pegawai Penyelidik
4. Penolong Pegawai Jaminan Kualiti
5. Usahawan

Ada lagi tak selain daripada 5 contoh jawatan tu? Mesti lah ada. Tapi tak best kalau saya list kan macam tu sahaja, apa kata saya buat carian di Jobstreet dan juga Maukerja untuk adik adik?

memang sudah ada login untuk Jobstreet, jadi saya boleh tengok terus gaji yang ditawarkan.

Carian di bawah juga adalah untuk tempoh masa saya tulis artikel ni iaitu 4 July 2017. Kita tengok ada tak jawatan kosong yang baru baru ini di keluarkan.



Ok, mana yang baru first time tengok Jobstreet, banding ngn saya yang dah 7 tahun tengok. Meh nak kongsi sikit. Tengok pada pada gaji berapa bagi, dan tarikh iklan oleh company ni keluarkan. Sekarang ni 5 July 2017, pukul 10 31 am. Jadi kita nampak lah, iklan untuk jawatan kelulusan ni ada tiap tiap hari kan.

Hah lagi satu nak jelas, yang manager atau nampak gaji lebih dari RM 3000 tu rasanya kalau fresh memang tak layak apply kot. Sebab kalau jenis jenis gaji macam ni, memang nak pengalaman. Tapi tak apa lah, maksudnya ada la potensi nya kan. Pengalaman boleh di cari, itu sebab nanti koje jangan memilih sangat, koje dulu 2 3 tahun. Dan baru demand. Dan, pastikan untuk usaha dapat Ijazah ye dek.

Ok good good.

Apakah Syarat Syarat Layak Masuk Politeknik Konvensional Untuk Kos Ini..

Petikan di bawah saya copy paste sahaja dari masuk IPT. Untuk lebih OK anda click satu lagi link yang **saya sertakan di bawah.**

Syarat am untuk memohon program Diploma di Politeknik Konvensional adalah memperolehi 3 Kepujian peringkat SPM. Di samping itu, pelajar perlu memenuhi syarat khas program yang ditetapkan. Sebagai contoh, bagi program Diploma Kejuruteraan Awam, pelajar dikehendaki lulus SPM dengan syarat minimum berikut:

Lulus Bahasa Melayu

Lulus Bahasa Inggeris

Lulus Sejarah

Mendapat TIGA (3) kepujian bagi mata pelajaran berikut termasuk;

Matematik atau Matematik Tambahan

SATU (1) mata pelajaran berikut: Biologi atau Fizik atau Kimia

SATU (1) mata pelajaran lain yang belum diambilkira kepujiannya

Untuk lebih lengkap, rujuk POLITEKNIK EDU ni << **ini dia link yang saya maksud kan.**

Senarai Universiti Yang Ada Kos Teknologi Makanan

USIM, UPM, UKM, USM, UniSZa, UITM dan UMS

Ini silibus dari UITM Negeri Sembilan…

+ UniKL

Politeknik Yang Ada Kos Teknologi Makanan

POLISAS – Poli ini ditubuhkan sejak 1976, antara aktiviti dan pencapaian Polisas, Utusan

Dan untuk pengetahuan korang juga, punya la banyak blogger dari Polisas yang saya jumpa. Tapi saya tak pick semua, ambil yang terbaik sahaja. Nanti saya link kan di bawah.

Saya pun baru tahu adik perempuan saya sendiri pun dari POLISAS, ni hah baru wasap dia. Haha, dan Ya dia pun ambil kos yang sama juga. Ingatkan POLIS.



Ikutkan kata adik perempuan saya, selama ni POLISAS je yang ada Food Tech ni, patut lah ramai blogger semua dari Polisas. Tapi dia ada juga cakap, Poli Pagoh Johor pun kemungkinan baru ada sekarang. Baru nak start 1st semester katanya. **(Tarikh sekarang July 2017 ya, harap maklum)**

Dan bahagian terakhir dalam artikel ini ialah….so juga kumpul kan antara blogger blogger yang memang ceburi bidang ni. Rasanya kalau apa apa, lagi elok anda rujuk diorang. Saya sekadar boleh share tips temuduga sahaja. Untuk lebih

specifik, minta rujuk pada diorang ya.

Hah, ini dia panduan temuduga lengkap yang saya maksudkan.

Antara Blogger Yang Terbaik Untuk Rujukan Anda.

Nurul Syazwana – Kenali Cik Puan Nurul Syazwana, rupanya Cik Nurul ni sebaya saya. Blogger ni asal dari Pontian, dan memang sekarang di kerja dalam bidang yang kita duk sembang ni. Kerja gov rasanya. Saya dah pun contact dia untuk minta dia kongsikan sikit cara dia apply kerja, dari SPA ke, lepas tu bila dia datang temuduga apa yang di tanya oleh Ahli Panel. Penting juga untuk kita tahu kan. Eh bukan kita, saya tak termasuk. Korang ler.

Yang paling penting soalan temuduga dia tu. Saya juga nak tanya, kalau tiada pengalaman apa pula yang korang nak goreng kan.

Untuk sinopsis kerja, apa benda yang Cik Nurul Syazwana buat, rasanya dah cukup lengkap dah apa yang ditulis dalam blog. Anda boleh rujuk tanggungjawab food tech PTM (link ke blog beliau ni)

Tuan Noh – saya tak berapa pasti sangat tentang butir beliau, Tuan Noh. Tak jumpa pun ruangan About Me di blog nya, tapi yang pasti. Salah satu artikel nya terangkan potensi yang anda semua boleh cebur kalau ambil bidang Teknologi Makanan ni. Saya yang baca pun rasa teruja. Mungkin saya akan cuba contact beliau, mana tahu memang Tuan Noh berpengalaman luas dalam bidang ni.

Apa apa pun, artikel yang saya maksudkan ialah, Kerjaya Dalam Bidang Teknologi Makanan

Update 1x: Tuan Noh aktif dekat FB rupanya, tak pa tak pa, nanti saya contact beliau untuk anda. Nampak macam orang kuat

juga.

Budak Spec Bintang – Si Permaisuri ni sekarang (2015) menuntut di UITM Shah Alam untuk Ijazah Sarjana Sains dan Teknologi Makanan. Sebelum ni, Diploma Teknologi Makanan UITM Kuala Pilah. Ikutkan penulisan cik adik ni (Pakcik dah Tua), dia lebih kongsikan subjek apa yang anda belajar nanti. Serta serba sikit tentang latihan industri. Saya baca separuh sahaja, jadi pening tengok satu satu silibus korang. Boleh baca, di blog beliau ya, synopsis study Food Tech.

Kawan Si Budak Spec Bintang ini pun, **Azhani Azmi** pun bagus juga penulisannya. Baca juga ya….

p/s – baca baca juga lah bahagian comment, banyak juga depa sembang sembang tentang kos ni. Saya malas nak go thru satu satu. Dah 7 tahun koje, jadi bebal sembang pasal subjek.

Dah la dulu, aq amik MUET. Kononnya macam dah siap, punya la eksyen ngn kawan aq siap dulu. Rupanya page terakhir aq tak selak pun. Memang najis betul lah…tu yang dapat MUET 2 tu. Aarghh..

Hiba hiba…

Saya tengah mencari blogger laki ni, tapi yang saya jumpa 2013. Macam lama sangat je. Lagi blog tak aktif. Tak pa kita skip jejaka itu.

Siti Fatimah Naim – Blogger yang terakhir, dari UITM Kuala Pilah.

Eh jap, korang yang aq amik ni macam semua kawan kawan je. Segan plak PakCik rasa. Pakcik ni laki orang tau. Tapi tak pe lah.

Blogger Siti Fatimah ni, tak ada apa sangat yang dia kongsikan dalam blog nya. Tak ada tips, tak ada sembang pasal silibus. Tak ada sembang pasal yang macam blogger lain. Tapi saya suka cara dia tulis, bersyukur dengan apa yang Allah bagi.

Jujurnya saya sendiri pun dulu, suka nak jadi kapal designer. Kiranya guna solidword design kapal. Lepas tu, saya juga teringin nak keja dengan Mardi. Reka machine machine yang simple tolong petani kecil. Antara machine yang saya ada try bina masa kerja dulu machine yang bengkok kan tiang lampu kat tepi jalan tu. Machine tu besar tau, lebih kurang besar kereta. Tapi tak kesampaian pun jadi designer kapal, lantas saya ambil meki, kononnya laki banyak amek meki. Saya tanya kawan yang memang Meki, dia cakap meki ni lebih kepada mesin mesin katanya. Saya suka sangat lah ni.

Namun, lepas graduate. Atau dalam tempoh sejak 2 tahun daripada sekarang. Saya rasa macam lebih baik saya ambil study dalam coding. Java semua. Bina software sendiri semua. Sebabkan potensi dan minat yang tiba tiba ke arah ini….erm macam macam.. Apa apa pun, yang pasti. Korang mesti suka dengan apa yang korang buat. Benda yang lepas tak perlu kenang lagi kan..

InsyaAllah semuanya menuju ke arah kebaikan. Dalam blog beliau, Cik Siti ada kongsikan, jangan frust sebab tak suka kos ni, bla bla..ah baca lah sendiri, nasihat Stifa Almurisi.